



TERBITAN
134

2024
12 DIS

SIDANG REDAKSI

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
Rahida Aini

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik pengarang.

Segala fakta dan pendapat adalah di bawah tanggungjawab pengarang. Pandangan dan tafsiran pengarang tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini adalah dengan izin pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Masyarakat Eurasia Pulau Pinang

Izzuddin Ramli

JIKA kita berjalan di sekitar Pulau Pinang, terutamanya di kawasan George Town, pasti kita tidak dapat mengelak daripada melihat banyak bangunan warisan. Dari Institusi St. Xavier, Convent Light Street, Gereja Anglican St. George yang menempatkan Memorial Francis Light, hingga ke Gereja Immaculate Conception di Pulau Tikus. Bagi mereka yang menghargai sejarah, gereja dan sekolah lama ini mempunyai banyak kisah untuk diceritakan. Salah satu kisah menarik ialah tentang komuniti Eurasia, yang turut menyumbang kepada kepelbagaiannya budaya di Pulau Pinang, seiring dengan kumpulan etnik lain.

Istilah “Eurasia” merupakan gabungan dua kata patah perkataan, iaitu “Eropah” dan “Asia”. Pada abad ke-19, ketika British memerintah India, istilah ini merujuk kepada orang berketurunan campuran British dan India. Istilah ini kemudian diperluaskan kepada tanah jajahan British yang lain, terutamanya di negara Asia yang didiami oleh orang Eropah, termasuklah British, Belanda, Perancis, Jerman, Portugis, dan Sepanyol.

Hubungan Eropah dengan Tanah Melayu bermula dengan kedatangan Portugis di Melaka pada tahun 1509, yang diwakili oleh Laksamana Diogo Lopes de

Sequeira, iaitu orang Eropah pertama yang tiba di Asia Tenggara melalui laut. Dengan kedudukan strategik Melaka di laluan laut antara Eropah dan Timur Jauh serta pelabuhannya yang makmur sebagai pusat perdagangan rempah, Melaka menjadi sasaran Portugis untuk memperluaskan kuasa mereka selepas Goa di India.

Kedatangan Portugis mencetuskan ketegangan dengan penduduk tempatan, khususnya para pedagang. “Sultan Melaka pada mulanya menyangka Portugis adalah ‘Banggali Putih’ (orang putih dari Bengal) dan mereka diterima baik oleh baginda. Namun, berlaku konflik antara pedagang Portugis dan pedagang India apabila pedagang India merasa terancam dengan kehadiran Portugis, yang mereka anggap sebagai pesaing,” kata Eustace Anthony Nonis, penulis *The Eurasian: A Founding Community of Penang* dan penaung Persatuan Eurasia Pulau Pinang.

Konflik antara komuniti Portugis dengan pelbagai pihak, terutamanya Belanda yang bersekutu dengan Kesultanan Johor dan Aceh, menyebabkan pemerintahan Portugis di Melaka berakhir pada tahun 1641. Ramai komuniti Eurasia melarikan diri ke kawasan lain seperti Sumatera, Jung Ceylon (kini Phuket), dan Kedah, sebelum akhirnya